

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BAKTI YANG KE-13
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 29-06-1990

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejatera.

Dif-Dif Kehormat; Puan-puan hadirin sekalian.

Dengan berbilang-banyak ucapan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, saya mengalu-alukan kehadiran puan-puan ke Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan BAKTI yang ke-13 pada petang ini. Sudah menjadi kebiasaan, hati akan berdebar-debar mengenangkan akan bilangan ahli yang akan hadir, lebih-lebih lagi pada kali ini, di mana Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-13 terpaksa ditunda ke hari Jumaat, iaitu pada hari di mana ahli-ahli mungkin sedang bersiap untuk balik ke kawasan masing-masing. Saya amat bersyukur dan berterima kasih kepada para hadirin yang sudi melapangkan masa pada hari ini.

2. Bagi pihak BAKTI, saya mengucapkan terima kasih khasnya kepada Yang Berbahagia Dato Zakiah Hanum, tetamu kehormat BAKTI kerana sudi menerima jemputan kami. Sebagai makluman hadirin sekalian beliau terbang balik dari London semalam semata-mata untuk bersama-sama kita pada hari ini.

Puan-puan hadirin sekalian,

3. Sudah menjadi tradisi BAKTI menjemput tokoh-tokoh wanita negara ini untuk merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan BAKTI sambil berkenal mesra dan juga menerima pandangan dan pesanan yang berfaedah daripada mereka. Pada masa-masa lampau tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin wanita telahpun dijemput daripada berbagai-bagai golongan, baik daripada golongan politik, diplomatik, kehakiman, pendidikan dan sosial. Insya-Allah, ramai lagi yang akan dijemput pada masa hadapan.

4. Tahun ini tokoh wanita yang dipilih merupakan seorang wanita yang terkenal, baik di dalam mahupun di luar negeri. Saya tidak mahu merahsiakan nama beliau sehingga ke akhir ucapan pengenalan ini kerana nama beliau sememangnya telah terkenal di kalangan kita semua. Untuk memperkenalkan tokoh wanita seperti beliau ini bukanlah satu tugas yang mudah. Ini adalah kerana kebolehan dan pencapaian beliau amatlah banyak dan saya khuatir tidak dapat menerangkan kesemuanya.

Saya telahpun lama mengenali beliau dan berkecimpung rapat dengan beliau semenjak kebelakangan ini. Oleh sebab itulah, maka saya ingin mula menerangkan hal-hal yang mudah terlebih dahulu.

5. Tetamu kehormat kita Yang Berbahagia Dato Zakiah Hanum binti Abdul Hamid dilahir dan dibesarkan di Alor Setar, Kedah. Ketika saya masuk ke Universiti Malaya di Singapura pada tahun 1947, beliau masih lagi remaja dan baru masuk sekolah Sultanah Aminah di Alor Setar. Manakala saya tamat pengajian di Universiti pada tahun 1955, dan bertugas di Alor Setar, Zakiah Hanum baru melanjutkan pelajarannya di Pulau Pinang dan akhirnya di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

6. Penglibatan beliau dalam bidang kearkipan ini bermula setelah melanjutkan pengajian dalam bidang Pentadbiran Arkib di India. Sekembalinya dari India, beliau memegang jawatan Ketua Bahagian Arkib, Arkib Negara pada tahun 1961 dan sehinggalah pada 1980 di mana beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara iaitu satu jawatan yang julung-julung kalinya disandang oleh seorang wanita. Perlantikan ini juga sekali gus menjadikan beliau merupakan wanita pertama dilantik sebagai Ketua Pengarah di sebuah jabatan persekutuan.

7. Semasa beliau menjadi Ketua Pengarah, Arkib Negara menjadi semakin terkenal hasil daripada berbagai-bagai pro-gram dan aktiviti-aktiviti yang memperkenalkan Arkib Negara di kalangan orang ramai. Antara program-program tersebut ialah: a) Rancangan RTM "Hari ini Dalam Sejarah" dalam tiga bahasa dan amat popular.

b) Rancangan pengkisahan sejarah di mana tokoh-tokoh yang ada menyumbang kepada sejarah negara dijemput untuk mengisahkan pengalaman-pengalaman mereka.

c) Projek-Projek Memorial umpamanya Memorial Tun Abdul Razak, Pustaka Peringatan P. Ramlee dan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di Melaka.

d) Kuiz Perdana yang mempopularkan bahan-bahan arkib di peringkat pelajar-pelajar sekolah sambil memupuk perasaan cintakan negara di kalangan mereka.

Puan-puan hadirin sekalian, 8. Sumbangan Zakiah Hanum dalam negeri meliputi sumbangan tenaga kepada badan-badan sejarah, pendidikan dan kebudayaan. Beliau telah memegang 25 jawatan dalam berbagai-bagai bidang dan lebih 10 jawatan itu sedang dipegang dari tahun 1979 hingga sekarang.

9. Sumbangan beliau di peringkat antarabangsa juga begitu membanggakan. Kerana kepakarannya beliau telah diiktiraf oleh Majlis Arkib Antarabangsa (ICA) dan dilantik selaku Pengerusi Association of Commonwealth Archivists and Record Managers yang Urusetianya bertempat di London. Dato Zakiah Hanum juga berjaya mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai ibupejabat dan urusetia bagi Majlis Arkib Antarabangsa Cawangan Wilayah Asia Tenggara.

10. Selain daripada tugas-tugas rasminya di Arkib Negara, Dato Zakiah Hanum juga terkenal sebagai penulis drama, seloka dan sejarah yang mendidik masyarakat umum dalam hal-hal sejarah bangsa dan negara. "SENDA, SINDIR, SENGAT" - sebuah karikatur Melayu silam adalah buku terbaharu sekali hasil usaha beliau.

11. Dalam bidang kebajikan pula, Dato Zakiah Hanum tidak ketinggalan mencurahkan baktinya secara langsung khasnya kepada golongan masyarakat yang kurang bernasib baik.

12. Dato Zakiah Hanum adalah Ketua I PERTIWI yang mewujudkan beberapa projek yang menitik-beratkan pelajaran dan pendidikan wanita dan kanak-kanak. Dalam usaha pencegahan dadah pula, Dato Zakiah Hanum melalui PERTIWI telah mengelolakan Kolokium Membina Ketahanan Diri untuk pelajar-pelajar sekolah dalam usaha menghalang gejala penyalah-gunaan dadah daripada menerapi kalangan remaja.

Satu lagi usaha beliau ialah mengumpulkan para artis, pemuzik dan lain-lain untuk menerbitkan album "Hitam, Putih Kehidupan".

Para hadirin sekalian,

13. Dengan pencapaian dan sumbangan cemerlang terhadap negara, tidaklah hairan apabila Dato Zakiah Hanum dikurniakan beberapa bintang. Beliau telah dianugerahkan bintang Johan Setia Mahkota (JSM) oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1976; bintang Setia Mahkota Selangor pada tahun 1981 dan Dato Setia Di-Raja Kedah pada tahun 1989 yang membawa gelaran Dato.

14. Kemuncak penganugerahannya ialah apabila beliau terpilih untuk menerima Anugerah Ramon Magsaysay dari Magsaysay Foundation, Filipina pada tahun 1989, yang mana ianya merupakan suatu penganugerahan yang tepat dan membanggakan rakyat negara kita amnya dan kaum wanita khasnya. Syabas dan tahniah kita ucapkan.

Para hadirin sekalian,

15. Pada saya, Dato Zakiah Hanum ialah "junk collector" kerana semua khazanah-khazanah, baik yang lama mahupun yang baru daripada kediaman saya sanggup dikumpul dan dikutip oleh beliau. Sehingga sehelai kertas pun sanggup beliau kutip semata-mata untuk memelihara khazanah negara.

16. Saya juga telah melantik beliau sebagai Colonel-in- Chief of Commonwealth Conferences setelah

beliau mempengerusikan dengan cemerlangnya Jawatankuasa Program Spouses CHOGM dan G-15 Summit baru-baru ini. Siapakah yang dapat menyangka bahawa wanita yang gempal ini adalah seorang wanita yang dinamik? Beliau juga seorang yang pendiam tetapi pelawak; lembut tetapi tegas. Inilah watak seorang wanita yang berkaliber tinggi dan sentiasa berjiwa kebangsaan dan kenegarawanan.

17. BAKTI amat berbangga dengan penghormatan yang diberi oleh Dato Zakiah Hanum dengan kehadiran beliau. Cuma satu sahaja rayuan BAKTI ingin minta daripada Dato Zakiah Hanum, iaitu buatlah "Hari Ini Dalam Sejarah" bagi BAKTI kerana jarang sekali mana-mana Badan Wanita dapat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-13nya pada hari Jumaat pula! Mudah-mudahan hari ini benar-benar menjadi hari yang bertuah bagi BAKTI dalam sejarahnya! Para hadirin sekalian,

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada semua ahli dan tetamu yang menjayakan Majlis ini dan berdoa semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala merestui Majlis ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.